

27/01/1997

MB diarah awasi pusat hiburan

KAMPUNG GAJAH, Ahad - Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri diarah mengambil tindakan tegas terhadap pusat hiburan yang gagal mematuhi syarat operasi supaya ia tidak terus menjadi pusat berkembangnya gejala liar di kalangan remaja.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata arahan itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 11 Januari lalu.

Menurutnya, kerajaan mendapati kewujudan pusat hiburan termasuk disko, kelab malam, karaoke dan pusat permainan video yang banyak dibuka menjadi punca maksiat dan keruntuhan moral semakin serius di kalangan golongan muda.

(END)